

13 DEC, 2022

## Pemeriksaan e-pembelajaran elak keciciran murid pasca COVID-19

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Pemeriksaan e-pembelajaran elak keciciran murid pasca COVID-19

• Kanak-kanak daripada komuniti B40 dan di kawasan pedalaman paling terkesan akibat COVID-19 kerana kekurangan peranti dan akses internet untuk belajar dalam talian

• Penyelesaian e-pembelajaran boleh disesuaikan untuk komuniti berbeza, termasuk komuniti terpencil menghadapi kesukaran merekrut dan menempatkan guru



Oleh Datuk Dr Habibah Abdul Rahim dan Ming Wong  
bhrencana@bh.com.my



Habibah adalah bekas Ketua Pengarah Pelajaran manakala, Ming Wong ialah Naib Presiden, Perhubungan Kerajaan dan Perkongsian Strategik Enuma, Inc

**Manifesto** pilihan raya untuk Pakatan Harapan (PH) menjanjikan keterangkuman dalam dasar pendidikan, termasuk peruntukan untuk keciciran pembelajaran daripada COVID-19.

Aspek ini memberi tumpuan kepada kanak-kanak daripada keluarga B40 dan komuniti lain yang kurang mendapat perhatian perkhidmatan pendidikan.

Pendekatan ini selari dengan Matlamat Keempat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memastikan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama untuk semua.

Pentadbiran baharu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai peluang untuk merekabentuk semula pendidikan dan memenuhi janji pilihan raya dengan menyalurkan sumber diperlukan bagi memastikan setiap kanak-kanak mencapai literasi dan numerasi penuh sejak awal usia.

Dalam dua setengah tahun lalu, COVID-19 mengakibatkan krisis pembelajaran global dan membawa kesan besar kepada kemajuan akademik murid.

Laporan daripada Bank Pembangunan Asia 2021 menunjukkan Malaysia antara negara mengalami keciciran pembelajaran tertinggi dalam kalangan negara Asia, melebihi semua negara anggota ASEAN kecuali Myanmar.

Banyak cabaran pendidikan sedia ada dan ketidaksamarataan pembelajaran dalam sistem juga meningkat pasca pandemik, terutama dalam kalangan kanak-kanak miskin, kurang upaya, dari Sabah dan Sarawak, daripada komuniti Orang Asli, tanpa kerakyatan, pelarian dan mereka yang berada di pusat tahanan.

Keciciran pembelajaran jangka panjang akibat daripada tempoh penutupan sekolah berpanjangan tidak harus diabaikan. Kanak-kanak lebih muda amat berisiko kerana kajian menunjukkan mereka yang ketinggalan dalam pelajaran pada

tahun awal akan menghadapi kesukaran mengejar dan mencapainya kemudian.

Kanak-kanak daripada komuniti B40 dan di kawasan pedalaman paling terkesan kerana kebanyakannya mereka kekurangan peranti dan akses kepada internet untuk pembelajaran digital atau dalam talian.

Pendidikan mempengaruhi bukan sahaja pendapatan dan kesejahteraan masa depan seseorang individu tetapi juga pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara. Oleh itu, impak jangka panjang kemahiran literasi rendah perlu ditangani dari awal.

Kemahiran literasi rendah akan menyebabkan seseorang mempunyai perasaan rendah diri, kurang daya tahan dan akhirnya hilang keyakinan diri.

Kementerian Pendidikan seharusnya dipuji kerana mengambil pelbagai langkah untuk memastikan semua murid dapat meneruskan pembelajaran ketika pandemik, seperti memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran fleksibel dari rumah.

Ini termasuk dalam talian, luar talian dan luar kawasan, jadual kelas fleksibel, melancarkan DELIMA (*Digital Educational Learning Initiative Malaysia*), memperkenalkan semula TV pendidikan, komuniti pembelajaran profesional dan latihan guru.

### Isu kekurangan peranti

Namun begitu, akses kepada pembelajaran jarak jauh dan hibrid yang berkualiti masih menjadi cabaran. Tinjauan Kementerian Pendidikan pada 2020 menunjukkan kekurangan peranti sebagai contoh, menghakikan penyertaan secara purata hampir 40 peratus murid dan keadaan ini lebih teruk di kawasan luar bandar seperti Sabah dan Sarawak.

Inisiatif CERDIK dilancarkan pada tahun lalu bertujuan menangani sebahagian daripada isu kekurangan peranti ini, namun kita kekurangan maklumat penggunaannya yang sebenar dan manfaat pembelajaran diperoleh daripada inisiatif *one-off* ini.

Selain peranti, pelaburan selanjutnya diperlukan dalam perisian pembelajaran berkualiti untuk pembelajaran pemuliharaan, terutama untuk

murid paling muda.

Sebelum pandemik COVID-19, sistem pendidikan Malaysia memulakan transformasi digital berdasarkan sasaran digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Transformasi ini perlu lebih perhatian dan tindakan segera kerana sebarang keciciran pembelajaran berpotensi membawa kepada keciciran generasi murid, menjejaskan dengan teruk pembangunan bakat dan masa depan Malaysia.

### Rapatkan jurang pencapaian

Langkah konkrit perlu diambil untuk mencapai keutamaan berikut bagi sistem persekolahan negara. Pertama, menyokong murid untuk mencapai pembelajaran yang telah terlepas dan tercicir.

Kedua, merapatkan jurang pencapaian bagi kumpulan murid yang kurang memperoleh perhatian perkhidmatan pendidikan.

Ketiga, memanfaatkan pembelajaran digital dipacu ketika pandemik dengan menekankan pembelajaran lebih fleksibel dan diperkukuhkan melalui teknologi digital.

Oleh itu, sebarang penyelesaian e-pembelajaran untuk pendidikan awal kanak-kanak perlu direka khusus untuk murid muda.

Pendekatan pembelajaran sedemikian mungkin kedengaran seperti fiksyen sains, tetapi tidak lagi mustahil dalam konteks semasa.

Melangkah ke hadapan, penyelesaian e-pembelajaran boleh disesuaikan untuk komuniti berbeza, termasuk komuniti terpencil menghadapi kesukaran merekrut dan menempatkan guru.

Akses internet, walaupun wajar, bukan satu keperluan kerana aplikasi boleh dipasang dan digunakan pada telefon pintar dan tablet tanpa penggunaan data tambahan.

Lebih penting lagi, penyelesaian kos efektif dan mempunyai potensi berskala besar ini akan membebaskan sumber pengajaran dan membolehkan Kementerian Pendidikan memenuhi matlamatnya mengurangkan jurang ekuiti dalam pembelajaran.

Memperkenalkan e-pembelajaran pada peringkat awal kanak-kanak menjana pulangan pelaburan tinggi kerana kanak-kanak berada pada peringkat paling ingin tahu dan menyesuaikan diri.


Ini juga membolehkan guru mempunyai lebih masa mengajar kemahiran hidup yang penting seperti menggunakan maklumat untuk penyelesaian masalah, mematuhi peraturan dan menyesuaikan diri dalam masyarakat.

Justeru, menjadi harapan supaya pentadbiran Anwar akan mengutamakan penggunaan aplikasi digital untuk membantu murid muda dan paling memerlukan bagi mencapai kemahiran asas literasi dan numerasi.

Memandangkan perubahan pesat dan meluas dalam teknologi digital dan ketibaan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), kita boleh merebut peluang melengkapkan anak dengan alat mengurangkan keciciran pembelajaran sambil memberi mereka permulaan awal memperoleh kecekapan digital diperlukan pada usia muda.

Dengan membuat beberapa pilihan berani sekarang, Malaysia mampu muncul lebih kuat dan lebih baik selepas pandemik.





13 DEC, 2022

## Pemeriksaan e-pembelajaran elak keciciran murid pasca COVID-19

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

. Kanak-kanak daripada komuniti B40 dan di kawasan pedalaman paling terkesan akibat COVID-19 kerana kekurangan peranti dan akses internet untuk belajar dalam talian

. Penyelesaian e-pembelajaran boleh disesuaikan untuk komuniti berbeza, termasuk komuniti terpencil menghadapi kesukaran merekrut dan menempatkan guru

Manifesto pilihan raya untuk Pakatan Harapan (PH) menjanjikan keterangkuman dalam dasar pendidikan, termasuk peruntukan untuk keciciran pembelajaran daripada COVID-19.